## SOALAN & JAWAPAN

- **Dimana saya boleh dapatkan pengesahan bagi Daftar Lewat Kelahiran?**

Pengesahan kelahiran boleh dibuat di Jabatan Rekod Perubatan.

- **Bolehkah saya dapatkan pengesahan kelahiran pada hari ini juga?**

Tidak. Jangkamasa siap adalah dalam tempoh 7 hari bekerja.

- **Bolehkah wakil memohon?**

Boleh. Perlu membawa dokumen-dokumen berkaitan. Sila rujuk mukasurat 1 bagi dokumen yang diperlukan.



**Waktu Urusan Pejabat**

**Isnin – Khamis**

| | | |
|---|---|---|
| 7.30 pagi | – | 1.00 tengahari |
| 2.00 petang | – | 5.30 petang |

**Jumaat**

| | | |
|---|---|---|
| 7.30 pagi | – | 12.15 tengahari |
| 2.45 petang | – | 5.30 petang |



# PANDUAN DAFTAR LEWAT KELAHIRAN DI HOSPITAL SELAYANG



**JABATAN REKOD PERUBATAN**
**HOSPITAL SELAYANG**

**Aras 3, Hospital Selayang**
**Lebuhraya Selayang- Kepong**
**68100 Batu Caves, Selangor**

**No telefon:**

**03-61203233 ext : 3057/3066**
**(Unit Pengurusan Rekod Perubatan)**

**Dokumen yang diperlukan:**

- Asal dan salinan kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri ibubapa kandung.

- Asal dan salinan kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri pemaklum jika bukan ibubapa kandung.

- Kad pendaftaran hospital.

- Buku pemeriksaan mengandung (Buku Merah) ibu.

- Surat Asal Pengesahan Kelahiran yang dikeluarkan oleh hospital sejurus selepas bersalin. (Jika ada)

- Surat rasmi daripada Jabatan Pendaftaran Negara atau Keputusan Carian Dalam Daftar JPN.LM 14 beserta borang JPN LM 01 (jika ada). Sila rujuk contoh surat.



**Proses permohonan Daftar Lewat Kelahiran adalah seperti berikut:**

- Hadir di kaunter laporan perubatan, Jabatan Rekod Perubatan mengikut jadual waktu pendaftaran.

- Permohonan akan diserahkan ke Dewan Bersalin untuk melengkapkan Borang JPN LM01 dan semakan Buku Daftar Bersalin.(Jika buku daftar bersalin tiada dalam simpanan Jabatan Rekod)

- Jangkamasa siap adalah dalam tempoh **7 hari** dari tarikh terima permohonan.

**Sekiranya anda tidak memiliki dokumen – dokumen seperti:**

- **Borang Pengesahan Kelahiran** maka anda perlu membuat satu laporan polis jika dikehendaki oleh pihak hospital.

- **Rekod penjagaan ibu mengandung dan rekod kesihatan kanak-kanak**, anda perlu memaklumkan kepada pihak hospital dan Jabatan Pendaftaran Negara.

**Sekiranya kelahiran bukan di Hospital Selayang:**

- Pihak hospital tidak boleh mengesahkan kelahiran atau menandatangani Borang JPN LM 01





KOD NEGERI NOMBOR SIRI

HOSPITAL SELAYANG
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN KELAHIRAN

(Sila bawa borang ini semasa membuat pendaftaran kelahiran)

CONTOH

| | |
|---|---|
| NAMA DAN ALAMAT TEMPAT KELAHIRAN | BILIK BERSALIN HOSPITAL SELAYANG |
| NAMA DAN ALAMAT PUSAT PENDAFTARAN | |

JANTINA BAYI* — LELAKI / PEREMPUAN
TARIKH KELAHIRAN — Hari / Bulan / Tahun
WAKTU KELAHIRAN — Jam / Minit
UKURAN PANJANG BAYI 52 cm.
UKURAN LILIT KEPALA BAYI 31 cm.
BERAT BAYI 3.30 kg.

BCG — SUDAH* / BELUM* — TARIKH Hari / Bulan / Tahun
HEPATITIS B — SUDAH* / BELUM* — TARIKH 20 / 01 / 2005 (Hari / Bulan / Tahun)

KOMPLIKASI BAYI (JIKA ADA)

IBU — NAMA / NO. KAD PENGENALAN / LAIN-LAIN DOKUMEN
ALAMAT
JENIS KELAHIRAN : SVD
KOMLIKASI (JIKA ADA)

PENGESAHAN BUTIR-BUTIR KELAHIRAN

| IBU / WARIS | DOKTOR / JURURAWAT / BIDAN |
|---|---|
| Saya mengesahkan butir-butir kelahiran di atas adalah betul. | Saya mengesahkan butir-butir kelahiran di atas adalah betul. |
| | Nama, Jawatan & Alamat. |
| Tandatangan / Cap Jari | Tandatangan |
| Nombor Kad Pengenalan Lain-lain Dokumen — Tarikh | Nombor Kad Pengenalan Lain-lain Dokumen — Tarikh |

* Sila tandakan (/) pada kotak-kotak yang berkenaan

L-PNMB., K.L.

Borang Pengesahan Kelahiran



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
DAERAH GOMBAK
NO.G7-G10 KOMPLEKS ISLAM
JALAN BATU CAVES
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN

'JPN ERA BARU'
Tel : 03-61880362
Faks : 03-61857164

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami: Bil( )dlm.JPN.B(GBK)
PT 163/790-1 Klt 4

Tarikh: 24 Disember 2009

Hospital Daerah Selayang,,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Tuan,

**PENDAFTARAN KELAHIRAN BAGI ANAK ...**
**NO MYKAD/ DOKUMEN PENGENALAN DIRI**

Dengan segala hormatnya adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas..

2. Pemohon telah datang ke JPN Gombak untuk mendaftar kelahiran anaknya. Walau bagaimanapun, pemohon telah kehilangan segala borang dan butiran pengesahan bayinya.

3. Sehubungan itu, dapatlah kiranya pihak hospital menandatangani borang dan mengisi maklumat ibu dan bapa kandung didalam LM01 yang kami berikan dan pengesahan butiran kelahiran dapat disertakan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**ROHAINI BINTI MOHD ARJON**
Ketua Pejabat
Jabatan Pendaftaran Negara,
Daerah Gombak.

sk. fail terapong

PENGIKTIRAFAN ISO 9001:2000 NO. SIJIL: 841788

Contoh Surat 'Covering Letter' dari Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Daerah Gombak